

14/05/2000

Penerangan fardu ain, kifayah diutama

KUALA LUMPUR: Umno akan meningkatkan kegiatan penerangan mengenai perjuangan Umno menegakkan Islam di negara ini bagi menyedarkan masyarakat terhadap perjuangan parti selama ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

"Kita akan kumpul tenaga untuk menerangkan mengenai kepentingan fardu ain dan kifayah kepada masyarakat. Ramai orang keliru dan tidak faham fardu kifayah seperti pembangunan negara penting dalam Islam.

"Melalui Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), kita mengedarkan dua buku kecil mengenai maklumat dan menerangkan mengenai salah faham ini," katanya ketika menggulung perbahasan usul agama pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno, di sini semalam.

Mengenai isu pengurusan agama, beliau yang juga Ahli Majlis Tinggi berkata pihaknya akan menguruskannya dengan sempurna.

"Kerajaan Pusat ada kuasa setakat menyelaraskan kerja, manakala kerajaan negeri masih mempunyai kuasa dalam pengurusan agama mengikut Perlembagaan Persekutuan.

"Bagaimanapun, kerajaan negeri bersetuju kerja penyelarasan boleh diterima dengan baik jika kena dengan cara dan pendekatannya," katanya.

Mengenai pengurusan masjid, Kelas Asas Fardu Ain (Kafa) dan pegawai agama, Dr Abdul Hamid berkata masalah itu akan diatasi segera bagi mengelakkan kekeliruan.

Sebelum itu, wakil Johor, Dr Khairul Azmi Mohamad, ketika membahaskan usul agama menyarankan supaya muzakarah ulama yang bebas daripada sempadan pegangan politik, dilaksanakan secara berkala demi kekuatan dan masa depan umat.

"Kumpulkan semua ulama yang menyokong kerajaan, pembangkang dan yang tidak bersandarkan kepada mana-mana parti untuk bersama-sama duduk semeja dan berbincang secara ikhlas dan bersikap terbuka.

"Kita kumpulkan semua ulama untuk duduk berbincang dan menyetepikan perjuangan politik bagi berbincang memastikan masa depan umat Islam negara ini terjamin dan terbela," katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan institusi yang membolehkan profesional dan ilmuwan yang bukan berlatarbelakangkan Islam mendalami agama di setiap negeri.

"Kita mahu memberi peluang kepada mereka untuk sekali lagi berada dalam tempat yang dikatakan sebagai pusat latihan semula untuk mendalami ilmu agama.

"Kita mahu supaya golongan ini bukan saja hebat dalam bidang masing-masing seperti doktor dan jurutera tetapi mahir dalam agama," katanya.

Dr Khairul Azmi turut mencadangkan supaya kaedah pengajaran dan penyampaian mata pelajaran Sejarah dikaji semula untuk memastikan ia dapat dihayati dari peringkat seawal mungkin.

"Kita mahu buku Sejarah ditulis semula berasaskan cita rasa dan kebenaran yang kita miliki," katanya.

Wakil Sabah, Sapawi Ahmad, ketika membahaskan usul yang sama mengingatkan masyarakat Melayu supaya mengikis amalan mempercayai bomoh dan tukang tilik kerana ikhtiar itu keterlaluan yang boleh membawa kepada syirik.

Katanya, amalan itu timbul kerana kejahilan umat Islam serta kurangnya penghayatan terhadap agama.

"Bagi mengikis kepercayaan ini, gerakan penghayatan Islam perlu

dipesatkan dengan mengukuhkan kefahaman dalam bidang agama seperti ilmu fikah, usuluddin dan ilmu mengenal Allah.

"Kefahaman itu perlu supaya setiap tindakan, perbuatan dan kata-kata kita mengikut hukum Islam," katanya.

Beliau turut menarik perhatian perwakilan dengan membacakan jampi serapah yang menurutnya sering digunakan oleh masyarakat Melayu dahulu sebagai cara menakutkan musuh dan ilmu kebal.

Wakil Perak, Md Zin Mohd Hassan, pula ketika membahaskan usul berkenaan berkata budaya berterima kasih sepatutnya menjadi pakaian yang menjadi identiti orang Melayu Islam di negara ini.

Katanya, kerana tidak tahu berterima kasih dengan semua nikmat yang diperolehi sejak sekian lama inilah, kini orang Pas masih tidak mahu menerima kejayaan dan kewibawaan yang ditonjolkan Perdana Menteri.

"Mereka masih berdegil, enggan menerima hakikat sebenar dan langsung tidak tahu berterima kasih dengan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir.

"Apa lagi yang tidak kena, bukankah kita sudah mengecap nikmat kemewahan harta benda, hidup yang aman dan sejahtera dan lebih-lebih lagi makanan," katanya.

(END)